



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MENGETUAI DELEGASI MALAYSIA KE PERSIDANGAN *FOOD AND AGRICULTURE ORGANIZATION* (FAO) KE-44 DI ROM, ITALI

PUTRAJAYA, 4 JULAI 2025 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah selamat tiba di Rom, Itali pada hari Ahad, 29 Jun 2025 bagi menghadiri Persidangan *Food and Agriculture Organization* (FAO) *of the United Nations* ke-44. Persidangan FAO merupakan persidangan yang diadakan setiap dua (2) tahun bagi membahas dan memutuskan isu-isu di peringkat dasar dan perancangan strategik FAO bagi tahun 2026 dan 2027.

Persidangan FAO ke-44 ini bermula pada 28 Jun hingga 4 Julai 2025. YB Menteri telah menyampaikan kenyataan negara (*country statement*) melalui sesi *General Debate* pada 30 Jun 2025 bertemakan “*Fostering Innovation for Food Security*”. YB Menteri telah menyatakan komitmen Malaysia menyokong usaha FAO dalam menangani isu keterjaminan makanan dan perubahan iklim melalui adaptasi teknologi dan inovasi terkini bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan dan seterusnya mencapai sasaran agenda pembangunan mampan (*Sustainable Development Goals*) menjelang tahun 2030. YB Menteri turut menegaskan pendirian Malaysia yang menentang keras penggunaan kelaparan sebagai senjata perang.

YB Menteri juga mengadakan pertemuan dengan TYT Qu Dongyu, Ketua Pengarah FAO pada 1 Julai 2025 bagi membincangkan hala tuju dan potensi kerjasama dalam bidang pertanian termasuk pembangunan kapasiti antara Malaysia dan FAO.

Selain itu, YBhg. Datuk Seri Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menyampaikan intervensi semasa sesi *Roundtable Discussion* pada 1 dan 2 Julai 2025, yang berkisar kepada tema *Four Betters* iaitu *Better Production, Better Nutrition, Better Environment* dan *Better Life*. Beliau seterusnya melaksanakan proses undian bagi pemilihan *Independent Chairperson of the Council* (ICC) dan cadangan bajet FAO bagi tempoh 2026-2027.

Persidangan kali ini juga turut melibatkan pemilihan negara bagi kerusi Ahli Majlis (FAO Council) bagi tempoh 2026 – 2028. Dalam hal ini, Malaysia telah bekerjasama erat dengan rakan-rakan dalam kalangan rantau Asia seperti Thailand, Indonesia, Sri Lanka, India, Pakistan dan negara lain dalam melaksanakan rundingan bagi mencapai persetujuan bersama secara kolektif bagi mengisi tiga (3) kerusi yang diperuntukkan untuk Rantau Asia. Kali ini, Malaysia berjaya mengekalkan kerusi secara perkongsian dengan Thailand bagi sesi seterusnya yang bermula pada 1 Julai 2026 sehingga penghujung sesi 46 Persidangan FAO pada tahun 2029. Ketua Setiausaha juga turut membuat pemilihan calon-calon Ahli Majlis FAO bagi rantau Eropah. Delegasi KPKM ke persidangan ini turut disertai Encik Shahril Faizal bin Abdul Jani, Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KPKM serta pegawai-pegawai kanan KPKM.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

